



## Faktor Luaran yang Mempengaruhi Keberkesanan Kaedah Nyanyian dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Perspektif Pelajar

### External Factors Affecting the Effectiveness of Singing Methods in Learning Arabic : A Study on Students' Perspectives

**Wan Muhammad Shaker Wan Adnan<sup>1</sup>, Azlan Shaiful Baharum<sup>2</sup>, Mohd Nizwan Musling<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>(Corresponding Author) Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
e-mail: [shaker.wanmd@gmail.com](mailto:shaker.wanmd@gmail.com)

<sup>2</sup>Associate Professor, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
e-mail: [azlan@usim.edu.my](mailto:azlan@usim.edu.my)

<sup>3</sup>Senior Lecturer, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
e-mail: [mohdnizwan@usim.edu.my](mailto:mohdnizwan@usim.edu.my)

#### Article Info

##### Article history:

Received: 21/05/2024

Accepted: 02/07/2024

Published: 30/10/2024

##### DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa97>

## ABSTRAK

Kaedah nyanyian adalah kaedah pengajaran yang menggunakan lagu dan irama sebagai alat bantuan bagi mencapai objektif sesi pembelajaran. Kaedah nyanyian mempunyai keberkesanan dalam membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam subjek Bahasa Arab. Terdapat perbezaan yang ketara dihadapi oleh pelajar setelah diterapkan kaedah nyanyian dalam kelas, yang mana mereka dapat menguasai topik yang diajarkan dengan lebih baik dan efisien hanya setelah menggunakan kaedah nyanyian. Maka, secara umumnya jelas bahawa kaedah pengajaran menggunakan teknik nyanyian ini memberikan impak positif kepada pelajar secara khususnya dalam pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pandangan pelajar tentang faktor-faktor lain yang memainkan peranan dalam membantu meningkatkan keberkesanan sesi pembelajaran selain daripada modul dan kaedah pengajaran itu sendiri. Pengumpulan data dijalankan secara temu bual bersemuka dan analisis tematik digunakan bagi menganalisis data kajian. Pengkaji menjalankan temubual ke atas sepuluh orang responden kajian yang merupakan pelajar tahun satu program Sarjana Muda Pendidikan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Pelajar-pelajar ini

mengaplikasikan kaedah nyanyian bagi menguasai kursus Nahu Gunaan 1 dalam Bahasa Arab. Hasil kajian menyimpulkan terdapat empat faktor luaran lain yang memberi kesan kepada keberkesanan kaedah nyanyian iaitu i) peranan guru, ii) peranan rakan-rakan, iii) peranan alat pengajaran (lagu), iv) peranan topik pembelajaran. Kesimpulannya, kaedah nyanyian ini mempunyai tahap keberkesanan yang berbeza ke atas pelajar bergantung kepada cara peranan-peranan ini dimainkan.

**Kata Kunci:** *Kaedah Nyanyian, faktor luaran, perspektif pelajar*

## **ABSTRACT**

The singing method is a teaching method that uses songs and rhythm as a tool to achieve the objectives of the learning session. The singing method is effective in helping students to improve their academic performance in Arabic subjects. The students tend to show a significant difference after applying the singing method in class, where they can master the topics taught better and efficiently only after using the singing method. So, it is generally clear that the teaching method using this song technique has a positive impact on students, especially in learning Arabic. Therefore, this study was conducted with the aim of exploring the students' views on other factors that play a role in helping to improve the effectiveness of the learning session apart from the module and the teaching method itself. Data collection was conducted through face-to-face interviews and thematic analysis was used to analyze the study data. The researcher conducted interviews on 10 participants from first-year students of the Bachelor of Islamic Education program, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia. These students applied the singing method to master the Arabic syntax. The results of the study concluded that there are four other external factors that affect the effectiveness of the singing method, namely i) the role of the teacher, ii) the role of friends, iv) the role of songs, iii) the role of the learning topic. In conclusion, this method of singing has different levels of effectiveness on students depending on how these roles are played.

**Keywords:** *Singing method, external factors, student perspective*

## **PENGENALAN**

Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) menyatakan bahawa kaedah pengajaran adalah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Kaedah pengajaran diperlukan bagi seseorang pendidik bagi memudahkan pencapaian objektif bagi suatu sesi pembelajaran. Pelbagai kaedah pengajaran telah diperkenalkan oleh para penyelidik dan pendidik bagi meningkatkan penguasaan dalam mempelajari sesuatu ilmu. Antara

kaedah pengajaran yang sering digunakan adalah dengan menerapkan nyanyian dan irama dalam pembelajaran (Huliyah et al, 2021). Kajian Kholilah et al (2022) menyimpulkan bahawa penerapan kaedah nyanyian menggunakan Maqam Al-Nahawand dalam proses hafalan Al-Quran mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi bagi para pelajar. Hal ini kerana alunan melodi tersebut membantu para pelajar untuk lebih menjiwai ayat Al-Quran yang ingin dihafal. Kaedah nyanyian juga biasa digunakan untuk membantu pelajar meningkatkan pemahaman kosa kata dan hafalan dalam subjek bahasa Arab (Bustam et al, 2021; Rosidah, 2022; & Hula et al, 2023). Dapatan kajian-kajian ini memberi kesimpulan bahawa tahap penguasaan kosa kata dan hafalan pelajar meningkat setelah diaplikasikan kaedah nyanyian dalam sesi pembelajaran. Malah pelajar yang berada dalam lingkungan umur 5-6 tahun juga dapat meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Arab dengan bantuan kaedah nyanyian (Safitri & Munafiah, 2024).

Jelas di sini bahawa kaedah nyanyian dapat membantu para pelajar dalam proses pembelajaran terutamanya dalam subjek Bahasa Arab. Namun, terdapat banyak faktor lain yang membawa kepada kecemerlangan seseorang pelajar dalam akademik selain daripada kaedah pengajaran. Kajian Chzin & Surat (2021) menyatakan bahawa faktor kejayaan pelajar tidak hanya bergantung kepada satu faktor namun terbahagi kepada faktor dalaman dan juga faktor luaran. Hal ini kerana sistem pendidikan, guru-guru, kemudahan di sekolah, ibu bapa dan persekitaran keluarga juga memainkan peranan tersendiri dalam membantu pelajar menguasai sesuatu ilmu. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor luaran yang memainkan peranan dalam memaksimumkan keberkesanan kaedah nyanyian khususnya pembelajaran subjek Bahasa Arab.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian lepas menjelaskan bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar. Antara kajian yang membincangkan perkara ini ialah kajian Chzin & Surat (2021) yang telah melaksanakan kajian literatur bersistematik berasaskan bukti-bukti yang dikumpulkan oleh penulis menggunakan kaedah PRISMA. Pangkalan data yang digunakan adalah Google scholar, Research Gate dan Academia memandangkan ia adalah medan utama dalam penerbitan kajian ilmiah. Kajian ini telah memperhalusi sejumlah 17 buah artikel yang menepati kriteria kajian serta melalui dua peringkat iaitu peringkat penyaringan dan peringkat rangkuman. Kajian ini telah membahagikan tema bagi faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar kepada empat kategori utama iaitu faktor guru, faktor pelajar, faktor sekolah dan faktor keluarga. Kajian tersebut kemudiannya memperincikan subtema kepada tiga belas faktor kecil. Maka secara asasnya dapat disimpulkan bahawa setiap faktor ini memainkan peranan tersendiri dalam perkembangan akademik pelajar dan perlu dititikberatkan dalam sesi pengajaran.

Kajian Kaliappan & Jalil (2023) telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar tingkatan empat dalam subjek

ekonomi. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada 201 orang pelajar dari tujuh buah sekolah menengah. Data kajian kemudian dianalisis menggunakan perincian IBM SPSS Statistic 23 bagi menentukan pengaruh setiap faktor yang dinyatakan di dalam borang soal selidik. Kajian berjaya menyimpulkan bahawa kesemua faktor sama ada dalaman atau luaran memberi kesan kepada prestasi akademik pelajar dalam subjek ekonomi. Faktor utama yang memberi kesan adalah gaya pembelajaran, diikuti dengan sikap murid di mana masing-masing berada pada nilai min skor yang sederhana tinggi. Faktor yang mencapai tahap sederhana rendah namun masih memberi kesan kepada kecemerlangan pelajar ialah faktor keluarga, guru dan persekitaran sekolah. Kajian ini mendapati bahawa sokongan dan motivasi ahli keluarga, peribadi seorang guru dan persekitaran sekolah yang formal juga dapat membantu memudahkan kefahaman seorang pelajar selain daripada pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru. Faktor keluarga dan persekitaran juga antara faktor yang dinyatakan dalam kajian Arofah et al (2020) sebagai faktor utama dalam mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Kajian ini menyimpulkan empat faktor utama iaitu fisiologi, psikologi, keluarga dan persekitaran.

Kajian Bayuningtyas et al (2021) pula mengkaji faktor pembelajaran regulasi sendiri terkait dengan pengaruh keluarga, teman sebaya, dan tenaga pengajar terhadap prestasi akademik. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik MSLQ (Motivated Strategies of Learning Questionnaire) kepada 175 responden. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga faktor; keluarga, teman sebaya dan tenaga pengajar mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran regulasi sendiri dengan faktor keluarga memainkan peranan utama manakala teman sebaya pula mempunyai pengaruh yang rendah dalam kajian ini. Kajian ini seterusnya mendapati bahawa pembelajaran regulasi sendiri terkait dengan pengaruh keluarga, teman sebaya, dan tenaga pengajar tidak mempunyai pengaruh positif terhadap prestasi akademik pelajar namun terdapat faktor-faktor lain yang memberi kesan terhadap prestasi akademik.

Bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran Bahasa Arab pula, kajian Ismail et al (2020) telah mengkaji hubungan antara faktor dalaman dan luaran dalam mempengaruhi penguasaan kemahiran menulis dalam Bahasa Arab. Kajian dijalankan ke atas seratus empat puluh orang responden dari empat institusi pengajian tinggi. Data kemudiannya dianalisis menggunakan dua kaedah; interpretasi skor min dan korelasi Pearson. Kajian mendapati bahawa skor min bagi kedua-dua faktor sama ada dalaman mahupun luaran berada pada tahap yang tinggi. Antara faktor dalaman yang dibincangkan adalah faktor sikap, faktor motivasi, dan faktor persepsi. Terdapat juga beberapa faktor luaran yang mempengaruhi kelemahan pelajar dalam menguasai Bahasa Arab, antaranya adalah kerana kurangnya suasana untuk mempraktikkan Bahasa Arab di luar kelas. Selain itu silibus yang sukar juga menjadi penghalang bagi pelajar. Kelemahan kaedah pengajaran oleh guru juga antara yang disebut menyumbang kepada kelemahan pelajar. Faktor kelemahan kaedah pengajaran ini turut dinyatakan dalam kajian Putri et al (2023) dan kajian Ananda et al (2024) yang

menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang tepat memainkan peranan terhadap penguasaan pelajar dalam menguasai kosa kata Bahasa Arab.

Kajian Putri et al (2023) telah dijalankan ke atas dua puluh lima orang pelajar tahun satu di Maahad Tahfiz Yayasan Al Maghfirah, Subang. Pelajar-pelajar ini telah menduduki praujian sebelum diterapkan kaedah nyanyian dalam mempelajari kosa kata Bahasa Arab. Pelajar ini kemudiannya menggunakan kaedah nyanyian dalam sesi pembelajaran dan seterusnya menduduki pascaujian bagi menganalisis perbezaan pencapaian sebelum dan selepas diterapkan kaedah nyanyian. Data kajian jelas menunjukkan perbezaan positif yang ketara dicapai oleh pelajar selepas menggunakan kaedah nyanyian dengan markah purata 9.96 berbanding 5.68 pada praujian. Pelajar-pelajar dapat menguasai topik yang diajarkan dengan lebih baik dan efisien hanya setelah menggunakan kaedah nyanyian di dalam kelas. Kajian menyimpulkan bahawa kaedah pengajaran yang baik merupakan faktor utama dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam penguasaan kosa kata Bahasa Arab.

Setiap kajian menyatakan faktor-faktor yang berbeza berdasarkan sampel dan metod kajian yang tersendiri. Namun, secara keseluruhannya boleh dipersetujui bahawa terdapat lebih dari satu faktor yang akan mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar. Maka, kajian ini perlu dilaksanakan bagi menjelaskan faktor-faktor luaran yang memberi kesan kepada seseorang pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab menggunakan kaedah nyanyian agar keberkesannya dapat ditingkatkan.

## **METODOLOGI**

Kajian telah menjalankan temu bual ke atas sepuluh orang responden kajian yang terdiri daripada pelajar tahun satu program Sarjana Muda Pendidikan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Pelajar-pelajar ini telah mempelajari subjek Nahu Gunaan dalam Bahasa Arab menggunakan kaedah nyanyian bagi sesi pengajian 2023/2024, semester 2. Kajian menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur kerana modus operandinya yang bersifat fleksibel dan menggalakkan responden kajian untuk menghuraikan persoalan secara tenang dan tepat. Kajian telah meletakkan satu soalan utama yang menepati tujuan kajian iaitu:

1. Apakah faktor-faktor luaran yang memberi kesan kepada keberkesanan kaedah nyanyian dalam pembelajaran Bahasa Arab?

Soalan temu bual ini telah memperoleh purata markah 1.0 dalam Content Validity Index dan telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab yang merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian Davis (1992) menetapkan bahawa dua orang pakar adalah memadai bagi menentukan kesahan instrumen kajian. Temu bual ini dijalankan setelah tamat semester tersebut bagi mendapatkan maklum balas yang menyeluruh berkait kaedah nyanyian dan faktor-faktor luaran yang mempengaruhi

keberkesannya. Temu bual dilaksanakan secara bersemuka dan mengikut protokol seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Penjelasan tajuk kajian dan tujuannya.
2. Pemakluman kerahsiaan maklumat yang dikongsi dan hanya digunakan untuk tujuan kajian.
3. Pertanyaan soalan kajian.
4. Galakan respon daripada responden kajian.
5. Pertanyaan soalan tambahan yang berkait.
6. Ucapan terima kasih atas penyertaan.

Kajian kemudiannya menganalisis respon temu bual dengan menggunakan pendekatan analisis tematik menggunakan program Atlas.ti bagi mencari kod dan tema daripada data temu bual. Hasil analisis ini akan dapat merealisasikan tujuan kajian iaitu untuk mengenalpasti faktor-faktor luaran yang memberi kesan terhadap proses pembelajaran Bahasa Arab menggunakan kaedah nyanyian.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis tematik skrip temu bual dengan responden kajian telah mengenal pasti empat faktor utama yang menyumbang kepada keberkesanan kaedah nyanyian dalam pembelajaran Nahu Arab (Faktor guru, faktor rakan, faktor diri sendiri, faktor subjek) seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Tema dan kod temu bual

Tema	Huraian	
Guru	Guru yang mempunyai karakter tertentu akan lebih berpotensi untuk memastikan kaedah nyanyian lebih berkesan.	
Kod	Huraian	Respon sampel kajian
Ceria	Guru hendaklah sentiasa ceria ketika sesi pembelajaran	"Masa tasmik tu, dia kena mood ceria" P6
Tegas	Guru hendaklah mempunyai sifat tegas	"Guru ni dia kena bagi penekanan" P3  "Dia kena tegas, kalau dia garang nanti student tu macam takut" P2  "Kalau dia <i>pressure</i> , saya pon <i>pressure</i> lah" P1
Santai	Guru hendaklah dalam keadaan santai.	"Jangan terlalu garang, macam santai-santai" P4

		<p>“Pada awal kelas tu, dia kena santai-santai dulu” P2</p> <p>“Jangan lah semua orang dia marah-marah” P5</p>
<b>Rakan</b>	<b>Rakan-rakan memainkan peranan sebagai pemangkin motivasi dalam pembelajaran.</b>	
Sumber keyakinan	Rakan-rakan menyanyi bersama meningkatkan keyakinan.	<p>“Dekat kolej, member seorang menyanyi, semua nyanyi ramai-ramai” P2</p> <p>“Bila kita dah habis tasmik, kita nak dengarkan depan kawan-kawan” P10</p>
Nyanyian rakan secara berulang	Pelajar lebih mudah mengingat apabila mendengar nyanyian rakan secara berulang-ulang.	“Saya suka dengar dia nyanyi, secara tak langsung dia bantu saya lebih ingat” P6
Sumber motivasi	Rakan-rakan yang tidak membina akan menyukarkan proses pembelajaran.	<p>“Kalau diorang tak <i>support</i> nak nyanyi, susah ah” P2</p> <p>“Kawan kena rajin ajak kita nyanyi, dia boleh bantu” P7</p>
<b>Alat bantuan Mengajar (lagu)</b>	<b>Lagu yang digunakan dalam kaedah nyanyian memberi kesan dalam proses pembelajaran</b>	
Kepelbagaian	Lagu yang diajarkan hendaklah tidak terhad kepada satu jenis sahaja.	<p>“Saya rasa kena pelbagaikan lagi lagu” P9</p> <p>“Jangan tetapkan lagu, sebab diorang ada lagu sendiri” P9</p>
Kontemporari	Lagu yang digunakan hendaklah sesuai dengan generasi terkini.	<p>“Ada yang kita kena sesuaikan dengan lagu semasa” P6</p> <p>“Taknak lagu yang mendayu-dayu, dan taknak lagu yang terlalu rancak” P3</p>
<b>Subjek</b>	<b>Subjek yang diajarkan memainkan peranan dalam keberkesanan aplikasi kaedah nyanyian.</b>	
Tahap kesusahan	Kaedah nyanyian kurang efektif bagi subjek yang lebih susah.	<p>“Ayat dia tu macam senang, sebab tu senang nak hafal” P7</p> <p>“Ada bab tu matan dia susah, jadi perlu banyak masa sikit untuk hafal” P2</p>

## PERBINCANGAN

Melalui data yang diperolehi daripada temu bual ini, terbukti bahawa terdapat beberapa faktor luaran yang memberi kesan kepada prestasi akademik pelajar ketika mempelajari subjek Bahasa Arab selain daripada diri pelajar itu sendiri. Kajian dapat menyimpulkan empat faktor utama iaitu guru, rakan, alat mengajar (lagu) dan subjek.

### Faktor Luaran 1: Peranan Guru

Guru memainkan peranan utama dalam menentukan keberkesanan kaedah nyanyian. Semua responden kajian bersetuju bahawa guru yang mengendalikan kaedah ini tidak boleh bersifat garang atau pemarah semasa menjalankan sesi pembelajaran kerana ia akan menafikan keberkesanan kaedah nyanyian ini. Hal ini kerana tekanan yang dihadapi oleh para pelajar ketika berada di hadapan guru akan menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk lupa perkara yang telah dihafal dan dipelajari akibat kebimbangan. Hal ini bertepatan dengan kajian Richards (2022) yang menyimpulkan bahawa karakter dan emosi guru yang positif dapat membantu proses pembelajaran pelajar. Oleh itu, guru hendaklah sentiasa tenang dan bijak mengawal emosi ketika sesi pembelajaran. Antara respon yang dinyatakan oleh seorang responden kajian ialah:

*“Karakter guru perlu mengikut situasi ketika sesi pembelajaran, guru perlu berada dalam keadaan ceria dan mengikut rentak lagu ketika sesi peperiksaan supaya murid tidak tertekan”.*

Antara ciri yang perlu ada pada guru mengikut pandangan responden kajian ialah tidak terlalu mendesak, bijak mengawal suasana bilik darjah, sering bertanya perkembangan murid tentang pembelajaran mereka, dan sentiasa memberi peringatan tentang tarikh peperiksaan bagi memudahkan para pelajar membuat persediaan. Ciri-ciri ini selari dengan dapatan kajian Zamani & Ahangari (2016) yang menegaskan bahawa karakter yang perlu ada pada seorang guru bahasa ialah mempunyai keupayaan untuk membina hubungan yang baik dengan pelajar, keupayaan untuk membina keyakinan pelajar dan keupayaan untuk mengekalkan disiplin dalam kelas.

### Faktor Luaran 2: Peranan Rakan

Faktor luaran yang kedua ialah rakan-rakan. Murid akan berasa lebih seronok untuk mengulangkaji pelajaran apabila mendapat semangat dan motivasi daripada rakan-rakan yang lain. Kajian An et al (2021) juga menyatakan rakan-rakan memainkan peranan dalam memotivasikan pelajar lagi bagi mempelajari sesuatu bahasa. Kajian Ini membuktikan perkara yang selari dengan respons responden kajian yang menyatakan



bahawa mereka akan menyanyikan semula perkara yang telah diajarkan di dalam kelas bersama rakan mereka di luar kelas tanpa mengira tempat. Motivasi pelajar sememangnya membantu mereka dalam penguasaan Bahasa Arab (Fadzil et al, 2022). Kajian tersebut juga menyatakan bahawa rakan-rakan yang sentiasa mempraktikkan Bahasa Arab menyumbang kepada semangat rakan-rakan lain untuk turut serta dalam pembelajaran. Antara contoh motivasi yang ditunjukkan oleh rakan-rakan telah dinyatakan dalam temubual seperti di bawah:

*"Menyanyi bersama rakan membantu menghafal teks dengan mudah. Kami menyanyikan teks di luar kelas, contohnya di kafe."*

*"Kawan memainkan peranan penting, mereka semua sangat membantu walaupun di luar kelas, jika seseorang mula menyanyi pasti yang lain akan ikut nyanyi."*

Kekerapan mengulangkaji pelajaran bersama rakan-rakan di luar waktu kelas membantu para pelajar untuk lebih menguasai subjek yang diajar terutamanya pada aktiviti yang memerlukan kepada hafalan sepertimana yang dijelaskan dalam kajian Afandi et al (2023).

### **Faktor Luaran 3: Alat Bantuan Mengajar (Lagu)**

Lagu yang digunakan dalam kaedah nyanyian ini juga perlu diperhalusi oleh para guru bagi memastikan keberkesanannya. Lagu yang dipilih hendaklah sesuai mengikut tahap dan umur pelajar. Pelajar yang berada dalam lingkungan kanak-kanak hendaklah diterapkan lagu yang tidak terlalu panjang dan keanak-anakan (Rachmawati & Husin, 2022). Bagi pelajar universiti pula, lagu yang dipilih hendaklah daripada lagu-lagu yang biasa didengari dan dikenali oleh para pelajar (Junaidah, 2022). Maka jelas di sini bahawa lagu juga merupakan satu faktor yang memberi kesan kepada penguasaan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab menggunakan kaedah nyanyian.

Kajian ini membahagikan perbincangan responden berkait dengan lagu kepada dua perbincangan; kepelbagaian dan kontemporari. Guru tidak seharusnya menetapkan hanya satu lagu bagi suatu sesi kerana ia akan menghalang kreativiti pelajar untuk berkarya dan menjiwai kaedah nyanyian. Antara yang dinyatakan oleh pelajar ialah:

*"Jangan tetapkan lagu, sebab diorang ada lagu sendiri"*

Guru seharusnya mencadangkan beberapa jenis lagu yang sesuai digunakan untuk pembelajaran Bahasa Arab namun masih membuka peluang kepada pelajar untuk memilih lagu sendiri selagi mana ia tidak lari dari kaedah pengajaran yang digunakan. Hal ini kerana terdapat pelajar yang lebih cenderung untuk menggunakan lagu-lagu terkini yang biasa didengari untuk memudahkan aplikasi kaedah nyanyian.

#### **Faktor Luaran 4: Subjek atau Topik Pembelajaran**

Faktor terakhir pula ialah subjek yang diajarkan itu sendiri. Pelajar semua bersetuju bahawa topik yang lebih sukar memerlukan masa yang lebih lama untuk dikuasai meskipun menggunakan kaedah nyanyian. Namun, pelajar juga menyatakan bahawa kaedah nyanyian ini dapat membantu memudahkan pelajar untuk menguasai topik itu jika dibandingkan dengan kaedah biasa.

Secara kesimpulannya bagi perbincangan ini, terdapat sejumlah lapan belas respon yang telah disaring dan dipilih oleh kajian untuk disimpulkan dalam empat faktor luaran. Faktor-faktor ini dinyatakan dapat memberi kesan kepada prestasi akademik pelajar dan keberkesanan kaedah nyanyian dalam pembelajaran Bahasa Arab. Peranan guru mendapat perhatian utama dengan tujuh respon yang relevan (38.8%), yang mana penekanan kepada personaliti yang baik perlu dimiliki oleh guru bagi mengawal pengurusan bilik darjah. Kemudian, peranan kawan menghimpunkan lima respon (27.7%), sebagai sistem motivasi dalam proses pembelajaran. Lagu itu sendiri juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penguasaan suatu subjek menurut empat respon daripada temu bual (22.2%) dengan melihat kepada pemilihan lagu yang pelbagai dan juga kontemporari dalam sesi pengajaran. Seterusnya, terdapat dua respon berkaitan dengan subjek yang disebut oleh responden kajian (11.1%) dalam sesi temu bual. Subjek yang berat dan payah akan memberi kesan negatif terhadap proses penguasaan dalam kalangan pelajar.

#### **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa selain daripada kaedah nyanyian yang memang sudah terbukti memberi kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar, terdapat empat faktor luaran yang harus diambil kira kepentingannya bagi memastikan proses pembelajaran dapat mencapai objektif yang diinginkan. Empat faktor ini ialah peranan guru, peranan rakan, peranan alat bantuan mengajar (lagu) dan peranan subjek.

Kaedah nyanyian ini tidak dapat berfungsi secara sempurna sekiranya salah satu faktor ini tidak berperanan dengan cara yang betul. Oleh itu, para guru dan pelajar hendaklah memastikan peranan-peranan ini dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah nyanyian sebagai medium di dalam kelas.

Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada kajian lain untuk melaksanakan kaedah nyanyian bagi pembelajaran Bahasa Arab dengan penekanan bahawa faktor-faktor yang dinyatakan ini memainkan peranan yang penting bagi menjamin keberkesananannya. Kerjasama antara semua pihak dapat memastikan kaedah nyanyian ini dapat memberi kesan yang lebih positif dalam meningkatkan kefahaman dan prestasi akademik pelajar.

## RUJUKAN

- Afandi, A. N. M., Zaini, A. R., & Norul'Azmi, N. A. (2023). Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Arab sebagai bahasa kedua: Relevansi dan impak: Cognitive strategies in learning Arabic vocabulary as a second language: Relevance and impact. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 63-74.
- An, T. H., & Lai, T. T. (2021). Sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450-460.
- Ananda, D., Jufri, A. P., & Ulum, F. (2024). Application of the singing method in improving mastery of Arabic Mufrodat for Junior High School Students at Makassar Islamic College. *Pinisi Journal of Art, Humanity, and Social Studies*, 4(2), 337-344.
- Arofah, I., Ningsi, B. A., & Masyhudi, L. (2020). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa. *Media Bina Ilmiah*, 15(5), 4511-4522.
- Bayuningtyas, N., Martino, Y. A., & Firmansyah, M. (2021). Analisis faktor regulasi belajar mandiri terkait dengan pengaruh keluarga, teman sebaya, dan staf pengajar terhadap prestasi akademik. *Jurnal Kedokteran Komunitas (Journal of Community Medicine)*, 9(1).
- Bustam, B. M. R., Iswanto, I., Arqam, M. L., Juliani, W. I., & Khairi, A. N. (2021). The effectiveness of fun learning approach in Arabic learning. *Jurnal Al Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 13(2), 286-304.
- Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.
- Davis, L. L. (1992). Instrument review: Getting the most from a panel of experts. *Applied Nursing Research*, 5 (4), 194-197.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan motivasi pelajar terhadap penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 7(1), 194-210.
- Hula, I. R. N., Yasin, Z., Inaku, M. S., & Basarata, N. (2023). Arabic speaking skills training through Intensive Program activities for boarding students in Pone Village,

- West Limboto District. *Nusantara Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 3(3), 196-205.
- Huliyah, M., Ngaisah, S., & Kartika, N. T. (November 2023). The effectiveness of singing methods in developing early childhood language skills". *Proceeding of Annual International Conference on Islamic Education and Language (AICIEL)*, 728-736.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Hubungan antara faktor dalaman dan faktor luaran dalam mempengaruhi kemahiran menulis Bahasa Arab pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: The relationship between internal and external factors influencing student skills of Arabic writing in Higher Learning Institutions of Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 1-12.
- Junaidah, P. D. (2022). Penguasaan Mufradat melalui media lagu untuk meningkatkan keterampilan menulis Bahasa Arab siswa Mtsn 5 Jombang. *Teacher: Jurnal Inovasi Karya Ilmiah Guru*, 2(4), 437-445.
- Kaliappan, M. D., & Jalil, N. A. (2023). Pengaruh faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian mata pelajaran ekonomi bagi murid-murid sekolah menengah luar bandar negeri Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 83-92.
- Kholilah, G. R., Due, F., & Ichsan, M. (2022). Sosialisasi teknik penghafalan Al-Qur'an dengan Nagham Nahawand di Madrasah Riyadut Tarbiyah. *GENDIS: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 1(1), 1-5.
- Putri, A. A., Zahra, M., Ningrum, P. W. O., & Tabroni, I. (2023). Singing method: Easily memorize Arabic vocabulary and Mahfudzat. *International Journal of Scientific Multidisciplinary Research*, 1(2), 85-96.
- Rachmawati, R. A., & Husin, H. (2022). Penerapan metode bernyanyi dalam meningkatkan penguasaan kosakata Bahasa Arab di Panti Asuhan Nurul Jannah. *Berajah Journal*, 2(2), 223-230.
- Richards, J. C. (2022). Exploring emotions in language teaching. *RELC Journal*, 53(1), 225-239.
- Rosidah, M. (2022). *The use of singing songs strategy in teaching speaking skill at Intensive Program of UPT P2B IAI Darussalam in Academic Years 2021/2022*. (Doctoral dissertation). Islamic Institute of Darussalam Blokagung Banyuwangi.

- Safitri, L., & Munafiah, N. U. (2024). Peningkatan penguasaan kosakata Bahasa Arab melalui metode bernyanyi pada anak usia 5-6 tahun. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 8(1).
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1986). Ilmu pendidikan: Pedagogi. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Zamani, R., & Ahangari, S. (2016). Characteristics of an effective English language teacher (EELT) as perceived by learners of English. *International Journal of Foreign Language Teaching and Research*, 4(14), 69-88.